

Kit Mad 2-Long: Meningkatkan Penguasaan Hukum Tajwid Mad Dua Harakat Dalam Kalangan Murid Tahun 5

Farhan Arif Jemat, Noraini Omar, Nurfatihah Anuar, Nurul Safira Abdullah dan Alia Farhani Abdul Halim

Abstract – Ilmu tajwid merupakan satu daripada ilmu yang penting untuk dipelajari kerana pembacaan Al-Quran dengan betul adalah aspek penting dalam ibadah. Justeru, ilmu hukum tajwid ini perlulah didedahkan dalam pendidikan sejak awal lagi. Namun, kemerosotan penguasaan terhadap ilmu hukum tajwid ini menjadi satu kebimbangan di dalam bidang pendidikan islam pada masa kini. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk membantu meningkatkan penguasaan hukum tajwid mad dua harakat dalam kalangan murid tahun 5 dengan menggunakan Kit Mad 2-Long. Hasil pengumpulan data awal menunjukkan bahawa murid-murid tidak dapat menguasai ilmu hukum tajwid ini dengan baik. Seramai 4 orang murid tahun 5 di salah sebuah sekolah yang terletak di bahagian Kuching, Sarawak telah menjadi peserta kajian. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data seperti pemerhatian, temu bual dan juga analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa kesemua peserta kajian menunjukkan peningkatan yang sangat baik setelah intervensi Kit Mad 2-Long diperkenalkan. Kesemua peserta kajian hanya mendapat markah sekitar 0% hingga 40% sahaja dalam ujian pra dan markah tersebut meningkat dengan baik dalam ujian pos iaitu sekitar 70% hingga 100%. Peserta kajian juga dilihat lebih bermotivasi untuk mengikuti sesi pengajaran setelah dapat menguasai ilmu hukum tajwid ini. Diharapkan supaya dengan wujudnya intervensi ini dapat membantu meningkatkan penguasaan hukum tajwid bagi murid-murid lain yang mengalami masalah yang sama. Sebagai tindakan susulan, pengkaji berhasrat untuk menyebarkan dengan memperkenalkan intervensi Kit Mad 2-Long ini kepada guru pelatih dan juga guru Pendidikan islam di sekolah yang lain. Pengkaji juga bercadang untuk menambah baik intervensi ini dari segi bahan yang digunakan.

Keywords – Ilmu hukum tajwid, Kit Mad 2-Long, intervensi

I. PENGENALAN

Mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang perlu dipelajari oleh setiap individu yang bergelar muslim sejak mereka berada di peringkat sekolah rendah lagi. Hal ini bertujuan untuk membantu mereka bersiap sedia menghadapi cabaran yang akan mendatang pada masa depan. Menurut Zakaria et. al. (2012), Pendidikan Islam ini dianggap sebagai suatu proses pembinaan, pengawalan hawa nafsu, penanaman ketaatan kepada Allah SWT, pembentukan perilaku yang beretika dan sopan serta satu proses penyingkiran sifat-sifat negatif yang mungkin terkandung di dalam diri manusia itu sendiri.

Mata pelajaran Pendidikan Islam memiliki potensi yang sangat kuat dalam membentuk sebuah peradaban yang

unggul sehingga dapat berperanan sebagai warisan pemodenan dunia yang kita saksikan pada masa kini (Kamarul et. al., 2017). Oleh itu, mata pelajaran Pendidikan Islam ini perlulah diajar mengikut agihan waktu yang tertentu seperti yang telah ditetapkan. Mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah telah terbahagi kepada beberapa bidang seperti Al-Quran, hadis, akidah, sirah, jawi dan adab. Juseru, kajian ini berfokus kepada satu bidang sahaja iaitu bidang Al-Quran. Hal ini sangat penting untuk kita ambil cakna kerana mempelajari ilmu tajwid ini merupakan fardhu kifayah bagi seluruh umat islam di muka bumi ini. Menurut Muhammad Syukri Zahari et. al. (2020), maksud daripada belajar ilmu tajwid sebagai fardhu kifayah ini adalah bahawa perlu ada seseorang atau beberapa individu yang memiliki pengetahuan tajwid di suatu tempat tertentu untuk menjadi rujukan kepada masyarakat setempatnya. Oleh itu, ilmu tajwid ini merupakan satu daripada unsur terpenting di dalam pelaksanaan pembacaan Al-Quran. Apabila murid-murid mula mengamalkan Al-Quran dengan sempurna dan bertajwid pada peringkat awal, ia boleh membantu dalam penghasilan generasi muda yang memiliki minat yang mendalam dalam membaca Al-Quran dengan baik dan betul serta boleh menjadi contoh dan rujukan kepada masyarakat secara keseluruhannya.

II. KONTEKS

Saya Farhan Arif bin Jemat merupakan seorang guru pelatih tahun akhir bagi Program Ijazah Sarjana Muda Peguruan (PISMP) bagi kursus Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR), Kota Samarahan, Sarawak. Saya telah menjalankan praktikum fasa 1 di salah sebuah sekolah yang bertempat di bahagian Kuching, Sarawak selama 3 bulan iaitu bersamaan dengan 12 minggu bermula 8 Ogos 2022 sehingga 4 November 2022. Sebagai seorang guru pelatih opsyen Pendidikan Islam, saya telah diamanahkan untuk mengambil alih kelas tahun 5 bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, saya berkesempatan untuk melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersama murid bagi kesemua bidang yang terdapat di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam tersebut kecuali bidang hadith.

III. REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pada 18 Ogos yang lalu, saya telah mengajar bidang Al-Quran tahun 5. Secara keseluruhannya, PdP pada hari tersebut berjalan dengan lancar mengikut perancangan yang telah saya hasilkan di dalam rancangan pengajaran harian (RPH). Melalui penelitian dan pemerhatian yang saya lihat,


hampir kesemua murid dapat menguasai hukum tajwid mad dua harakat tersebut. Namun, terdapat hanya sebahagian kecil sahaja daripada murid-murid yang mengalami masalah dalam memahami dan menguasai ilmu tajwid terutamanya berkaitan dengan hukum tajwid mad dua harakat. Masalah yang berlaku ialah murid-murid sering membaca ayat-ayat Al-Quran tanpa memberikan perhatian yang cukup terhadap panjang harakat, khususnya dalam konteks hukum tajwid mad dua harakat.

Hal ini berlaku kerana sesuatu jenis hukum tajwid ini melibatkan simbol dan huruf-huruf tertentu yang memerlukan pemahaman yang mendalam. Selain itu, hal ini juga turut berlaku disebabkan kurangnya pemahaman yang mandalam tentang tajwid, murid-murid sering kali menghadapi kesukaran dalam menguasainya dengan betul secara menyeluruh.

Oleh itu, saya telah melakukan refleksi terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam bidang tajwid untuk mengatasi masalah ini. Berdasarkan refleksi yang telah dibuat terdapat kelemahan dari segi kaedah pengajaran yang telah saya lakukan. Saya berpendapat bahawa faktor berlakunya masalah ini adalah disebabkan oleh kaedah mengajar yang tidak tepat iaitu menggunakan kaedah tradisional sahaja bagi bidang tajwid ini.

| 5: راتبعن ففاجرن هاربن قندينقن اسلام ناعون | |
|--|--|
| مات فلاجرن | : قندينقن اسلام (القرآن) |
| تاجون | : 5 ابن خلدون |
| بنقن مورين | : 26 اورغ |
| تاريخ / هاري | : 18 اوكوس 2022 / اساس / 22 ربيع اول 1444 |
| ماس | : 10.00 هينك 10.30 فاكهي (30 مينيت). |
| تاجون | : تجويد |
| قتناوان سندا اد | : موريند فرنه فملاجري باجان 2 حراركت دان قنلاكي تجويد |
| ستندرد كاندونقن | : 1.6 مباح آية بق مقلدونقن باجان حكوم ماد دوا حركة دغن بتول دان برتجويد سجارا برادب دان استقامة. |
| ستندرد فملاجرن | : 1.6.3 مغاليلكاسيكن باجان ماد تمكين دغن بتول دان برتجويد دالم قنماجان القرآن. 1.6.4 مباح القرآن دغن برتجويد دالم كيندونقن هاربن سجارا برادب دان استقامة. |

Rajah 1. Rancangan Pengajaran Harian 18 Ogos 2022 (Bidang Tajwid Al-Quran)



Rajah 2. Refleksi RPH 18 Ogos 2022 (Bidang Tajwid Al-Quran)

Setelah diteliti dari semasa ke semasa, saya mendapati bahawa kebanyakan murid-murid tidak mampu menguasai konsep tajwid mad dua harakat ini disebabkan oleh kekurangan dalam cara pengajaran guru. Selain itu, penelitian terhadap kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam yang lain juga turut dilakukan. Hasilnya, kaedah pengajaran merupakan faktor kepada berlakunya masalah ini iaitu dengan menggunakan kaedah tradisional seperti “chalk and talk”. Menurut Anuar Ahmad & Nelson Jingga (2015), pendekatan corak tradisional dan “Chalk and Talk” sudah

kurang relevan dengan keperluan pelajar hari ini. Oleh itu, saya memutuskan untuk menggunakan kaedah interaktif dalam menyelesaikan masalah tersebut. Hal ini kerana, kaedah interaktif juga mampu membentuk pembangunan kognitif individu seterusnya mengaplikasikannya dalam memperkasakan kemahiran berfikir kemahiran berfikir aras tinggi.

IV. FOKUS KAJIAN

Pemilihan fokus kajian

Kajian ini berfokus kepada meningkatkan penguasaan hukum tajwid mad dua harakat dalam kalangan murid tahun 5. Hal ini disebabkan terdapat beberapa orang murid tidak dapat menguasai hukum tajwid mad dua harakat tersebut iaitu dari segi bacaan dan juga mengenal pasti simbol bagi setiap jenis hukum tajwid mad dua harakat tersebut. Selain itu, perkara yang difokuskan di dalam kajian saya ini ialah hukum tajwid mad dua harakat yang terdiri daripada tiga jenis mad iaitu Mad Silah Qasirah, Mad Badal dan juga Mad Iwad.

Berdasarkan analisis masalah yang saya jalankan, peserta kajian yang telah saya selidiki menghadapi beberapa kesulitan dalam bidang hukum tajwid mad dua harakat ini. Terdapat beberapa kesalahan yang sering mereka lakukan seperti ketidakmampuan dalam menerapkan bacaan yang mematuhi hukum tajwid yang sebenar. Mereka cenderung membaca ayat-ayat Al-Quran yang melibatkan hukum tajwid tersebut tanpa memberi perhatian yang mencukupi kepada panjang harakat yang berkaitan dengan jenis hukum tajwid mad dua harakat tersebut. Di samping itu, peserta kajian juga mengalami kesulitan dalam menenal pasti simbol dan huruf-huruf yang merujuk kepada jenis-jenis hukum tajwid mad dua harakat tertentu.

Justeru, kajian ini sangat relevan untuk dijalankan kerana kegagalan murid-murid saya untuk menguasai hukum tajwid mad dua harakat dengan betul. Sebagai seorang muslim, kita hendaklah mempunyai penguasaan yang cukup di dalam bidang tajwid ini. Apabila kita tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang hukum tajwid dalam membaca Al-Quran, adalah wajar untuk kita berusaha untuk memperoleh pengetahuan dan mempelajarinya dengan tekun agar kita dapat meningkatkan cara kita membaca Al-Quran dengan baik dan sesuai dengan ketentuan tajwid. Allah SWT juga telah memerintahkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk membaca Al-Quran dengan teliti dan secara berterusan. Selain itu, bacaan ayat Al-Quran yang bagus juga sangat diperlukan di dalam ibadah harian kita seperti solat dan sebagainya. Oleh itu, setiap umat Islam seharusnya berusaha untuk mendalami ilmu hukum tajwid ini supaya bacaan Al-Quran mereka menjadi lebih baik dan sempurna. Hal ini menunjukkan betapa relevannya kajian ini dalam usaha meningkatkan pemahaman dan penggunaan hukum tajwid mad dua harakat oleh peserta kajian saya.

Seterusnya dari sudut kepentingan kajian ini. Intervensi bagi kajian ini mempunyai kepentingan yang tersendiri seperti mengandungi aspek visual seperti animasi, gambar dan sebagainya. Manakala dari aspek verbal pula, kit ini menyediakan bahan audio yang memperlihatkan cara pembacaan yang betul bagi ayat-ayat Al-Quran yang

mempunyai hukum tajwid mad dua harakat yang boleh berperanan sebagai sumber rujukan penting bagi pelajar ketika mereka sedang mempelajari Al-Quran. Menurut Sapie Sabilan et. al. (2018), konteks proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan bahan bantu mengajar (BBM), yang boleh dilihat, didengari, dirasai, berwarna-warni, serta menarik mampu membantu murid-murid memahami dan membina konsep-konsep yang mereka pelajari dengan lebih efektif.

Dalam aspek kebolegunaan pula, kajian ini mempunyai kebolegunaan yang tinggi iaitu boleh meningkatkan kualiti serta amalan pengajaran dalam bidang Pendidikan Islam. Menurut Rafidah & Mohd Effendi (2019), menyatakan kebolegunaan dikaitkan sebagai sesuatu kualiti yang dinilai sebagai sesuatu yang mudah digunakan. Oleh itu, saya percaya bahawa intervensi yang saya hasilkan ini sangat bermanfaat dan mudah untuk digunakan. Hal ini kerana, masalah yang difokuskan dalam kajian ini bertepatan dengan topik yang terkandung di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam tahun 5. Namun, kit intervensi ini bersifat fleksibal iaitu boleh digunakan oleh murid tahun 6 yang masih mengalami masalah sedemikian. Selain itu, kit intervensi ini juga sangat mudah untuk diakses tanpa mengeluarkan sebarang kos yang besar kerana penggunaannya adalah secara dalam talian dan boleh digunakan pada bila-bila masa.

Akhir sekali, kajian ini juga mempunyai kebolehtadbiran yang tinggi disebabkan pengumpulan data, pelaksanaan tindakan dan menganalisis data dapat dijalankan dalam jangka masa yang dirancang. Saya telah merancang jadual waktu pelaksanaan kajian ini dengan tujuan untuk memastikan bahawa kajian saya ini dapat dijalankan dengan baik, sistematik dan juga lancar. Selain itu, saya juga berasa yakin dan bersemangat untuk mengumpul data sebelum dan selepas, menemu bual guru dan peserta kajian dan melaksanakan intervensi yang telah dihasilkan tersebut terhadap peserta kajian untuk memperoleh hasil yang baik dan memuaskan.

Pemngumpulan data awal

Beberapa tindakan telah dilakukan bagi mendapatkan data awal permasalahan yang dihadapi oleh murid-murid tahun 5 ini. Antara kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan data awal ini ialah pemerhatian, temu bual dan juga analisis dokumen. Ketiga-tiga kaedah ini amat penting untuk dilaksanakan bagi pengumpulan data awal dan juga pengumpulan data akhir setelah tindakan dilaksanakan.

Pemerhatian

Aspek yang ditekankan di dalam pemerhatian ini adalah berkenaan bacaan murid terhadap potongan ayat Al-Quran yang mengandungi hukum tajwid mad dua harakat dan juga penguasaan murid mengenai simbol dan huruf bagi sesuatu jenis hukum tajwid mad dua harakat tersebut.

| Bil | Pemerhatian Bacaan | Anis | | Ahmad | | Ali | | Aina | |
|-----|--|------|-------|-------|-------|-----|-------|------|-------|
| | | Ya | Tidak | Ya | Tidak | Ya | Tidak | Ya | Tidak |
| 1. | Murid dapat membaca perkataan yang mengandungi hukum mad silah qasirah. | | / | | / | | / | | / |
| 2. | Murid dapat membaca perkataan yang mengandungi hukum mad badal. | / | | / | | / | | / | |
| 3. | Murid dapat membaca perkataan yang mengandungi hukum mad iwad. | / | | / | | / | | / | |
| 4. | Murid dapat mengenal pasti huruf dan simbol bagi hukum tajwid mad silah qasirah. | | / | | / | | / | | / |
| 5. | Murid dapat mengenal pasti huruf dan simbol bagi hukum tajwid mad badal. | | / | | / | | / | | / |
| 6. | Murid dapat mengenal pasti huruf dan simbol bagi hukum tajwid mad iwad. | | / | | / | | / | | / |

Rajah 3. Pemerhatian Awal Peserta Kajian

Berdasarkan pemerhatian awal tersebut, mereka jelas tidak menguasai bacaan bagi potongan ayat Al-Quran yang mengandungi hukum tajwid mad dua harakat dan juga tidak dapat mengenal pasti simbol dan huruf bagi sesuatu jenis hukum tajwid mad dua harakat tersebut. Semasa sesi bacaan potongan ayat Al-Quran tersebut, mereka membacanya tanpa menghiraukan panjang harakat yang telah ditetapkan. Bagi sesi mengenal pasti simbol dan huruf bagi sesuatu jenis hukum tajwid mad dua harakat pula, mereka kelihatan keliru ketika soalan diajukan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa mereka masih di tahap yang lemah dalam penguasaan hukum tajwid mad dua harakat.

Temu bual

Temu bual adalah satu kaedah yang mudah untuk dilakukan kerana penglibatan pihak pengkaji dengan peserta kajian adalah secara langsung. Oleh itu, kaedah temu bual telah digunakan untuk mengutip data awal berkenaan permasalahan tersebut.

| | |
|-----------|---|
| Pengkaji | Adakah awak tahu hukum tajwid mad silah qasirah? |
| Peserta A | Tak ustaz. Tapi saya macam pernah dengar nama tu. |
| Pengkaji | Adakah awak tahu hukum tajwid mad badal? |
| Peserta A | Aaa tak ustaz. (Sambil menggeleng) |
| Pengkaji | Adakah awak tahu hukum tajwid mad iwad? |
| Peserta A | Aaa tak juga ustaz. (Sambil tersengih) |
| Pengkaji | Adakah awak tahu huruf atau simbol bagi hukum tajwid mad silah qasirah? |
| Peserta A | Aaa tak ustaz. Simbol macam mana tu? |
| Pengkaji | Adakah awak tahu huruf atau simbol bagi hukum tajwid mad badal? |
| Peserta A | Tak ustaz. (Sambil menggeleng) |
| Pengkaji | Adakah awak tahu huruf atau simbol bagi hukum tajwid mad iwad? |
| Peserta A | Aaa tak juga ustaz. |

(TB/24.08.2023)

Rajah 4. Transkrip Temu Bual Awal Peserta kajian

Temu bual Bersama GPI yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam kelas tahun 5 tersebut turut dijalankan.


| | |
|----------|--|
| Pengkaji | Adakah ustaz boleh cantakan tahap pencapaian peserta kajian yang saya pilih ini? |
| GPI | Aaa ya, InsyaAllah boleh. Oke baiklah. Untuk Anis ini, dia ni mempunyai tahap penguasaan yang lemah iaitu sekitar TP2 je. Untuk Ahmad pula, murid ni juga turut memiliki tahap penguasaan yang lemah iaitu sekitar TP2. Manakala untuk Ali, murid ni memiliki tahap penguasaan yang sederhana iaitu sekitar TP3. Aaa last sekali Aina. Murid ni turut terolong dalam tahap pencapaian TP3. Aaa itu sahaja. |
| Pengkaji | Adakah peserta kajian yang saya pilih ini mengalami masalah dalam hukum tajwid mad dua harakat? |
| GPI | Aaa untuk soalan ni sememangnya mereka berempat tu boleh dikira mempunyai masalah yang kronik lah dalam hukum tajwid ni. Jika membaca Al-Quran lah contohnya, mereka ni baca jenis main langgar je. (Sambil tergelak) |
| Pengkaji | Apakah kaedah yang ustaz laksanakan dalam mengajar hukum tajwid mad dua harakat ini? |
| GPI | Oke baiklah. Saya biasanya gunakan buku dulu semasa awal PdP tu. Aaa saya akan baca apa yang ada dalam buku tu dan murid-murid ni akan ekot. Kemudian baru saya buat penerangan mengenai hukum tajwid yang ada dalam buku teks tersebut di papan tulis. Akhir sekali, saya akan bagi soalan ataupun suruh mereka baca balik potongan ayat Al-Quran yang ada dalam buku teks tersebut. |

(TB/24.08.2023)

Rajah 5. Transkrip Temu Bual Bersama GPI

Analisis Dokumen

Kaedah terakhir yang dipilih dalam usaha untuk mengumpul data ialah dengan menggunakan analisis dokumen. Bagi kaedah ini terdapat beberapa jenis instrumen yang sesuai digunakan seperti minit mesyuarat, keputusan ujian, latihan dan lain-lain (Mariam & Muhammad Faiz, 2013). Oleh itu, satu ujian pra telah dijalankan ke atas para peserta kajian.




Rajah 6. Ujian Pra Peserta Kajian

Berdasarkan ujian pra tersebut, murid ini jelas mengalami masalah dalam mengenal pasti potongan ayat Al-Quran yang mengandungi hukum tajwid mad dua harakat

dengan betul. Oleh hal yang demikian, mereka tidak mendapat markah yang baik dalam ujian pra yang dijalankan tersebut.

Tindakan

Pemilihan model kajian amatlah perlu apabila sesebuah kajian mula dilaksanakan. Oleh itu, Model Kemmis & McTaggart (1988) untuk dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan kajian ini.



Rajah 7. Model Kemmis & McTaggart (1988)

Model kajian Kemmis & McTaggart (1988) ini mempunyai empat langkah yang perlu diikuti. Menurut Lisa Yuk Shukye (2015), satu kitaran lengkap pelaksanaan kajian tindakan tersebut disifatkan sebagai Kitaran Pertama (Spiral 1) dan jika masalah tidak berjaya ditangani, maka guru akan memulakan semula proses pelaksanaan kajian ke kitaran Kedua (Spiral 2) sehinggalah masalah tersebut dapat di atasi.

V. OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Secara umumnya, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meningkatkan penguasaan hukum tajwid mad dua harakat dalam kalangan murid tahun 5.

Objektif Kajian

Meningkatkan penguasaan hukum tajwid mad dua harakat murid tahun 5 dengan menggunakan Kit Mad 2-Long.

Soalan Kajian

Sejauh manakah Kit Mad 2-Long dapat meningkatkan penguasaan hukum tajwid mad dua harakat dalam kalangan murid tahun 5?

VI. PESERTA KAJIAN

Kajian ini melibatkan seramai empat orang murid tahun 5 yang terdiri daripada dua orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan. Dua daripada empat murid tersebut adalah murid yang memiliki tahap penguasaan yang rendah iaitu TP2. Dua orang lagi murid tersebut adalah tergolong di dalam murid TP3.

Peserta kajian yang pertama ialah Anis. Murid ini memiliki sifat yang agak pendiam dan pemalu. Sifat pemalu yang ada pada diri peserta kajian membuatkan dirinya sukar untuk bertanyakan soalan mengenai topik pembelajaran yang akhirnya menyebabkan tahap kognitifnya tidak berkembang dengan baik. Murid ini kurang berkomunikasi

dengan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran mahupun dengan rakan sekelas. Hal ini telah menyebabkan murid ini agak ketinggalan berbanding dengan murid-murid yang lain dan seterusnya memperoleh prestasi akademik yang agak lemah. Murid ini tergolong di dalam murid TP2.

Peserta kajian yang kedua ialah Ahmad. Murid ini seorang yang aktif dan suka bermain di dalam kelas tidak kira semasa proses PdP ataupun waktu yang senggang. Sikap yang ada pada diri murid ini kadangkala membuatkan saya sukar untuk menghasilkan kawalan kelas yang baik. Sikap yang ada pada diri murid ini juga kurang disenangi oleh rakan sekelasnya dan murid ini juga mempunyai masalah ketidakhadiran ke sekolah. Selain itu, murid ini juga sering terlibat dalam masalah disiplin yang akhirnya membuatkan dirinya turut kurang disenangi oleh segelintir guru di sekolah. Murid ini tergolong di dalam murid TP2.

Peserta kajian yang ketiga ialah Ali. Murid ini mempunyai sikap yang pendiam dan pada masa yang sama seorang yang banyak cakap. Beliau bersikap sedemikian mengikut situasi semasa. Sebagai contoh, ketika guru bertanyakan soalan, dia akan menjadi seorang yang pendiam manakala ketika guru bercerita ataupun berbual dengan murid-murid, beliau akan menjadi seorang yang banyak cakap. Sikap yang ada pada dirinya ini kadang-kadang dapat membantu sesi PdP menjadi ceria dan aktif. Murid ini tergolong di dalam murid TP3.

Peserta kajian yang terakhir ialah Aina. Murid ini mempunyai sikap yang pendiam tetapi bukan seorang yang pemalu. Beliau merupakan seorang murid yang pasif. Sebelum kemelut Covid-19 melanda, beliau merupakan seorang yang pandai dan mempunyai prestasi yang agak bagus di dalam akademik. Murid ini juga aktif di dalam penglibatan aktiviti sekolah sebelum berlakunya Covid-19 tersebut. Akan tetapi, setelah kemelut Covid-19 tersebut melanda, beliau menjadi seorang yang agak pasif di dalam kelas dan prestasi akademiknya semakin menurun. Bahkan, penglibatan beliau di dalam aktiviti sekolah juga semakin berkurang. Murid ini tergolong di dalam murid TP3.

VII. TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Langkah-langkah Tindakan

Saya telah memutuskan untuk memilih Model Kemmis & McTaggart (1988) untuk dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan kajian. Berdasarkan model ini, terdapat empat kitaran yang perlu dilakukan iaitu kitaran merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Pada langkah yang pertama iaitu perancangan, saya telah menjalankan perancangan untuk mengumpulkan data dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan juga analisis dokumen juga telah dilakukan dan akhir sekali iaitu perancangan untuk menghasilkan intervensi yang bernama Kit Mad 2-Long.

Pada langkah yang kedua pula iaitu bertindak, fasa ini dimulai dengan memberikan satu ujian pra. Setelah selesai ujian pra, pemerhatian awal dengan menggunakan senarai semak akan dilakukan. Kemudian, sesi temu bual bersama peserta kajian juga dijalankan bagi mengetahui penguasaan mereka terhadap hukum tajwid mad dua harakat tersebut.

Setelah selesai, intervensi yang telah dihasilkan tersebut akan diperkenalkan kepada peserta kajian.

Seterusnya langkah yang ketiga iaitu memerhati, satu ujian pos kepada peserta kajian. Pemerhatian akhir juga turut dilaksanakan dengan menggunakan senarai semak yang sama. Akhir sekali, sesi temu bual juga turut dijalankan bagi melihat impak yang diperoleh selepas intervensi tersebut diperkenalkan.

Akhir sekali langkah yang keempat iaitu mereflek. Refleksi akan dibuat bagi menilai kekuatan dan kelemahan bagi tindakan yang dijalankan. Hasil daripada refleksi tersebut, kelemahan yang dapat dikesan dapat membantu kita untuk membuat cadangan penambahbaikan.

Kaedah Mengumpul Data

Dalam proses pengumpulan data, saya telah menggunakan tiga kaedah untuk mengumpulkan data mengikut kesesuaian kajian tindakan yang saya jalankan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen.

Saya menggunakan kaedah pemerhatian iaitu dengan menggunakan senarai semak. Menurut Kamarul (2012), pemerhatian merujuk kepada proses penyelidikan yang melibatkan interaksi sosial antara penyelidik dan subjek kajian di dalam lingkungan subjek kajian tersebut. Saya telah memilih untuk menggunakan kaedah pemerhatian berstruktur untuk mendapatkan maklumat mengenai penguasaan hukum tajwid mad dua harakat dalam peserta kajian. Oleh itu, kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini dapat ditingkatkan melalui data yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian yang dijalankan tersebut.

Kaedah kedua yang saya gunakan ialah temu bual. Menurut Hassan et. al. (2018), temu bual ini merupakan satu kaedah yang digunakan untuk memahami dengan mendalam terhadap persoalan kajian. Dalam kajian ini, saya menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Hal ini kerana, temu bual separa berstruktur ini memperuntukkan kita untuk menyediakan soalan terlebih dahulu. Namun, pihak yang menemu bual tersebut bebas untuk menanyakan soalan yang tiada di dalam soalan yang telah dirangka. Selain itu, kaedah temu bual separa berstruktur ini juga memberikan peluang kepada peserta kajian untuk berfikir dengan lebih lama serta dapat memberikan kebebasan kepada pengkaji dan peserta kajian untuk berbual-bual.

Kaedah ketiga yang saya gunakan untuk mengumpulkan data ialah analisis dokumen. Menurut Abdull Sukor (2022), ujian awal atau pra merupakan kaedah pengumpulan data awal sebelum pelaksanaan intervensi manakala ujian akhir atau pos pula merujuk kepada data yang dikumpulkan untuk menilai pencapaian selepas intervensi dilaksanakan. Tujuan ujian pra dan pos ini dijalankan adalah untuk melihat perbezaan bagi data awal dan data akhir bagi keempat-empat peserta kajian saya. Pengumpulan data daripada ujian pra dan ujian pos ini dapat membantu saya untuk membandingkan dan memperkukuhkan lagi data-data yang telah diperolehi hasil daripada pemerhatian dan juga temu bual tersebut. Setelah data diperolehi daripada kedua-dua jenis ujian tersebut, saya akan mengira peratusan markah peserta kajian saya dan melihat adakah terdapat peningkatan peratusan markah bagi ujian pos berbanding ujian pra.

Cara Menganalisis Data

Menurut Chia Chiow Ming (2015), mendapati bahawa data yang telah dikumpul perlu dianalisis dan dibuat interpretasi bagi membolehkan penyelidik melapor dapatan kajian berdasarkan bukti-bukti yang telah diperolehi. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi menganalisis setiap data yang diperolehi adalah seperti berikut:

JADUAL 1: CARA MENGANALISIS DATA

| Kaedah mengumpul data | Kaedah menganalisis data |
|-----------------------|--------------------------|
| Pemerhatian | Analisis kandungan |
| Temu bual | Analisis kandungan |
| Analisis dokumen | Analisis deskriptif |

Seterusnya, bagi memastikan data kajian mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, triangulasi kaedah dan triangulasi sumber telah diaplikasikan.

VIII. DAPATAN KAJIAN

Pemerhatian

| Bil | Pemerhatian Bacaan | Anis | | Ahmad | | Ali | | Aina | |
|-----|--|------|----|-------|----|-----|----|------|----|
| | | Aw | Ak | Aw | Ak | Aw | Ak | Aw | Ak |
| 1. | Murid dapat membaca perkataan yang mengandungi hukum mad silah gasirah. | x | / | x | / | x | / | x | / |
| 2. | Murid dapat membaca perkataan yang mengandungi hukum mad badal. | / | / | x | / | x | / | / | / |
| 3. | Murid dapat membaca perkataan yang mengandungi hukum mad iwad. | / | / | x | / | x | / | x | / |
| 4. | Murid dapat mengenal pasti huruf dan simbol bagi hukum tajwid mad silah gasirah. | x | / | x | / | x | / | x | / |
| 5. | Murid dapat mengenal pasti huruf dan simbol bagi hukum tajwid mad badal. | x | / | x | / | x | / | x | / |
| 6. | Murid dapat mengenal pasti huruf dan simbol bagi hukum tajwid mad iwad. | / | / | x | / | x | / | x | / |

Rajah 8. Senarai Semak Bacaan Awal dan Akhir Peserta Kajian

Rajah menunjukkan senarai semak bacaan awal dan akhir yang telah saya gunakan terhadap peserta kajian. Tujuan pemerhatian ini dijalankan adalah untuk melihat perubahan terhadap penguasaan hukum tajwid mad dua harakat sebelum dan selepas tindakan dijalankan. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perubahan terhadap penguasaan hukum tajwid mad dua harakat jika dilihat melalui senarai semak bacaan tersebut.

Berdasarkan senarai semak tersebut, terdapat perubahan bagi Anis iaitu beliau tidak dapat membaca potongan ayat Al-Quran yang mengandungi hukum tajwid mad silah qasirah. Namun, Anis dapat membaca potongan ayat Al-Quran yang mengandungi hukum tajwid mad badal dan mad iwad dengan betul. Seterusnya, Anis tidak dapat mengenal pasti huruf dan simbol bagi hukum tajwid mad silah qasirah dengan mad badal. Akan tetapi beliau dapat mengenal pasti huruf dan simbol bagi mad iwad. Justeru itu, setelah tindakan dijalankan Anis dapat membaca potongan ayat Al-Quran dan dapat mengenal pasti huruf dan simbol bagi setiap jenis mad dua harakat tersebut.

Bagi peserta kajian yang seterusnya iaitu Ahmad. Semasa pemerhatian awal, Ahmad tidak mampu untuk membaca potongan ayat Al-Quran yang mengandungi

hukum tajwid mad dua harakat serta mengenal pasti huruf dan simbol bagi setiap jenis hukum tajwid mad dua harakat tersebut. Hal ini membuktikan bahawa Ahmad mempunyai tahap penguasaan yang lemah bagi penguasaan hukum tajwid mad dua harakat ini. Meskipun begitu, beliau akhirnya dapat menguasai hukum tajwid mad dua harakat ini melalui sesi bacaan potongan ayat Al-Quran dan juga mengenal pasti huruf dan simbol bagi setiap jenis hukum tajwid mad dua harakat tersebut.

Peserta kajian yang seterusnya ialah Ali. Murid ini juga mempunyai penguasaan yang lemah dalam bidang tajwid ini. Hal ini terbukti berdasarkan pemerhatian awal yang dijalankan ke atasnya. Berdasarkan pemerhatian tersebut, beliau juga tidak mampu untuk membaca potongan ayat Al-Quran yang mengandungi hukum tajwid mad dua harakat serta mengenal pasti huruf dan simbol bagi setiap jenis hukum tajwid mad dua harakat tersebut. Namun, pada akhirnya Ali dapat meningkatkan penguasaan beliau terhadap hukum tajwid mad dua harakat ini setelah tindakan dijalankan ke atasnya. Hal ini terbukti melalui pemerhatian akhir yang dijalankan oleh saya iaitu menunjukkan bahawa Ali dapat membaca potongan ayat Al-Quran yang mengandungi hukum tajwid mad dua harakat serta dapat mengenal pasti huruf dan simbol bagi setiap jenis hukum tajwid tersebut dengan betul dan tepat.

Akhir sekali adalah Aina. Berdasarkan pemerhatian awal, beliau hanya mampu untuk membaca potongan ayat yang mengandungi hukum tajwid mad badal sahaja dan untuk hukum tajwid mad dua harakat yang lain beliau tidak mampu untuk membacanya. Seterusnya, Aina juga tidak mampu untuk mengenal pasti huruf dan simbol bagi setiap jenis hukum tajwid mad dua harakat tersebut sekali gus menunjukkan bahawa beliau mempunyai penguasaan yang lemah terhadap hukum tajwid mad dua harakat ini. Akan tetapi, Aina dapat meningkatkan penguasaannya terhadap hukum tajwid ini iaitu dapat membaca potongan ayat Al-Quran dan mengenal pasti huruf dan simbol bagi setiap jenis hukum tajwid tersebut setelah fasa tindakan dijalankan.

Temu bual

Kaedah temu bual juga telah digunakan bagi mengumpul maklumat data selepas intervensi diperkenalkan kepada peserta kajian. Hal ini bertujuan untuk melihat impak yang diperolehi peserta kajian selepas Kit Mad 2-Long diperkenalkan kepada mereka. Berikut merupakan transkrip temu bual bersama peserta kajian selepas intervensi diperkenalkan.

Guru : Adakah kamu rasa intervensi Kit Mad 2-Long yang diperkenalkan ini mampu untuk meningkatkan penguasaan kamu terhadap hukum tajwid mad dua harakat?
 Anis : Ya, mampu ustaz.
 Guru : Aaa baguslah. Kenapa awak rasa ianya mampu?
 Anis : Sebab kit ini mempunyai banyak maklumat yang boleh saya baca dan belajar ustaz.

(TB/070923)

Rajah 9. Transkrip Temu Bual Bersama Anis

Guru : Adakah kamu rasa *intervensi Kit Mad 2-Long yang diperkenalkan ini mampu untuk meningkatkan penguasaan kamu terhadap hukum tajwid mad dua harakat?*

Ahmad : *Aaa mampu ustaz.*

Guru : *Alhamdulillah, baguslah. Jadi, kenapa awak rasa *ianya mampu?**

Ahmad : *Saya dapat *kenal pasti* dan *bezakan simbolnya* ustaz. *Lekak ya saya dapat baca juak* ustaz.*

(TB/070923)

Rajah 10. Transkrip Temu Bual Bersama Ahmad

Guru : Adakah kamu rasa *intervensi Kit Mad 2-Long yang diperkenalkan ini mampu untuk meningkatkan penguasaan kamu terhadap hukum tajwid mad dua harakat?*

Ali : *Aok ustaz.*

Guru : *Alhamdulillah. Mengapa awak rasa *ianya mampu?**

Ali : *Sebab saya rasa *seronok belajar* pakai kit tok ustaz. *Maklumat pun banyak* ustaz.*

(TB/070923)

Rajah 11. Transkrip Temu Bual Bersama Ali

Guru : Adakah kamu rasa *intervensi Kit Mad 2-Long yang diperkenalkan ini mampu untuk meningkatkan penguasaan kamu terhadap hukum tajwid mad dua harakat?*

Aina : *Ya ustaz, mampu sangat.*

Guru : *Alhamdulillah. Kenapa awak rasa *ianya mampu?**

Aina : *Sebab sangat *menarik* dan *menveronokkan* ustaz.*

(TB/070923)

Rajah 12. Transkrip Temu Bual Bersama Aina

Berdasarkan temu bual yang dijalankan ke atas peserta kajian saya tersebut, saya mendapati bahawa mereka dapat meningkatkan penguasaan mereka terhadap hukum tajwid mad dua harakat dengan baik. Selain itu, mereka juga berasa seronok dan tertarik untuk belajar menggunakan intervensi Kit Mad 2-Long ini.

Analisis Dokumen

Bagi analisis dokumen terhadap ujian pra dan ujian pos, tahap pencapaian bagi para peserta kajian saya telah ditentukan berdasarkan 4 tahap pencapaian iaitu tahap Cemerlang (80-100), Baik (60-79), Memuaskan (40-59) dan Lemah (0-39). Setelah data dianalisis, saya mendapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara bagi tahap pencapaian para peserta kajian saya jika dilihat dari skor yang mereka perolehi semasa ujian pra dan ujian pos. Semasa peringkat ujian pra, kesemua peserta kajian saya hanya memperoleh skor di bawah 40% iaitu pada tahap pencapaian yang lemah.

JADUAL 2: PENCAPAIAN PESERTA KAJIAN DALAM UJIAN PRA

| Bil. | Peserta kajian | Ujian Awal | | |
|------|----------------|-----------------|----------------|------------|
| | | Markah (/6) | Peratus (%) | Pencapaian |
| 1. | Anis | 1 | 17 | Lemah |
| 2. | Ahmad | 2 | 33 | Lemah |
| 3. | Ali | 1 | 17 | Lemah |
| 4. | Aina | 2 | 33 | Lemah |


Merujuk jadual 2, saya menjangkakan bahawa peserta kajian saya akan menghadapi masalah dalam mengenal pasti hukum tajwid mad dua harakat tersebut. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan skor yang mereka perolehi semasa ujian pra tersebut. Setelah dianalisis, kesemua peserta kajian saya mengalami masalah dalam mengenal pasti hukum tajwid mad dua harakat tersebut dengan baik.

Akan tetapi, kesemua peserta kajian saya mengalami peningkatan yang sangat baik jika dilihat dari skor markah yang mereka perolehi pada ujian pos. Sebelum ujian tersebut dijalankan, mereka telah didedahkan dengan kit intervensi yang telah saya hasilkan tersebut. Setelah mereka didedahkan kepada kit intervensi tersebut, satu ujian pos akan dijalankan bagi melihat peningkatan mereka dalam penguasaan hukum tajwid mad dua harakat.

JADUAL 3: PENCAPAIAN PESERTA KAJIAN DALAM UJIAN POS

| Bil. | Peserta kajian | Ujian Awal | | |
|------|----------------|-----------------|----------------|------------|
| | | Markah (/9) | Peratus (%) | Pencapaian |
| 1. | Anis | 8 | 89 | Cemerlang |
| 2. | Ahmad | 9 | 100 | Cemerlang |
| 3. | Ali | 7 | 78 | Baik |
| 4. | Aina | 9 | 100 | Cemerlang |

Berdasarkan jadual 3, kesemua peserta kajian saya telah menunjukkan peningkatan yang sangat positif iaitu 3 orang berada pada tahap pencapaian yang cemerlang dan 1 orang berada pada tahap pencapaian yang baik selepas mereka didedahkan dengan kit intervensi tersebut. Hal ini membuktikan bahawa kesemua peserta kajian saya telah dapat meningkatkan penguasaan hukum tajwid mad dua harakat.



Rajah 13. Keputusan Keseluruhan Ujian Pra dan Ujian Pos

Rajah menunjukkan markah peserta kajian bagi kedua-dua jenis ujian. Anis dan Ali hanya mendapat 17% manakala Ahmad dan Aina hanya mendapat 33% dalam ujian pra. Oleh itu, saya telah memperkenalkan Kit Mad 2-Long dalam usaha meningkatkan penguasaan hukum tajwid mad dua harakat bagi peserta kajian saya. Setelah intervensi tersebut diperkenalkan, Anis menunjukkan peningkatan yang sangat baik dengan mendapat peratusan markah sebanyak 89% dalam ujian pos. Ali juga turut menunjukkan peningkatan yang positif dalam ujian pos iaitu dengan mendapat peratusan markah sebanyak 78%. Ahmad dan Aina telah mendapat markah yang sangat baik dan memuaskan iaitu sebanyak 100% dalam ujian pos.

IX. REFLEKSI

Penulisan refleksi sangat penting untuk dilakukan setelah melakukan sesuatu tindakan. Menurut Chang (2019) penulisan refleksi mempunyai peranan sebagai bahan bukti kepada siswa guru untuk menterjemahkan pemikiran mereka yang tersurat untuk diselaraskan dan seterusnya mengambil tindakan susulan.

Sepanjang saya menjalani kajian tindakan ini, saya telah memperoleh banyak ilmu yang sangat bermanfaat. Selain itu, saya juga dapat memperbaiki amalan pengajaran saya semasa menjalankan sesi PdP di dalam kelas pada masa akan datang. Menurut Menderes Unal (2017), amalan pengajaran yang berkesan dilihat daripada amalan yang dilaksanakan oleh guru yang boleh menggalakkan murid terlibat secara aktif di dalam kelas dan sejauh manakah aktiviti praktikal boleh dilaksanakan melalui amalan pengajaran.

Selain itu, kajian ini juga dapat mengubah persepsi saya sendiri sebagai pengkaji terhadap peserta kajian saya. Hal ini kerana saya berpendapat bahawa peserta kajian saya ini berada pada tahap yang lemah dalam penguasaan hukum tajwid mad dua harakat ini dan berkemungkinan sukar untuk ditingkatkan. Akan tetapi, setelah selesai kesemua proses pelaksanaan kajian, saya mendapati bahawa penguasaan kesemua peserta kajian saya ini terhadap hukum tajwid mad dua harakat dapat ditingkatkan dengan baik.

Pelaksanaan kajian ini juga mengajarkan saya erti keprihatinan kepada murid. Hal ini demikian kerana saya berpendapat bahawa mereka yang mengalami masalah tersebut perlulah dibantu dan dibimbing dengan sebaik mungkin demi menjaga masa depan mereka supaya menjadi seorang yang lebih baik. Menurut Mohd Yusoff (2016), guru yang melaksanakan aktiviti pembelajaran mengikut kehendak dan kemampuan murid merupakan satu daripada ciri-ciri guru yang berkesan.

Akhir sekali, pengalaman melalui pelaksanaan kajian ini dapat membantu saya untuk meningkatkan kemahiran komunikasi diri saya sendiri. Hal ini kerana, komunikasi yang baik akan memberikan pengaruh yang baik terhadap setiap perkara yang kita lakukan. Menurut Norzuraina Mohd Nor (2021), komunikasi dalam PdP merupakan aspek yang penting untuk menjadikan subjek yang diajar tersebut menjadi menarik sekali gus dapat membuatkan murid-murid menghargai kepentingan dan menghayati keindahan subjek itu sendiri.

X. CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Setelah kajian ini dilaksanakan, saya mendapati bahawa terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi meningkatkan lagi keberkesanan kajian ini supaya dapat memberikan impak yang lebih positif. Tindakan susulan pertama yang boleh dicadangkan iaitu dengan mewujudkan kit yang berbentuk maujud. Hal ini boleh membantu pihak sekolah dan murid-murid untuk lebih mudah mengakses kit ini sekiranya terdapat kekurangan dari segi kemudahan akses internet, fasiliti sekolah dan sebagainya. Menurut Norsyaidah et. al., 2018, guru yang melaksanakan pendekatan kontekstual berupaya mengaitkan isi pembelajaran dengan kehidupan seharian seperti mampu memberikan contoh-contoh benda atau bahan maujud serta dapat memberikan gambaran situasi sebenar akan membantu murid-murid untuk memahami isi pembelajaran dan lebih menyeronokkan.

Cadangan seterusnya yang boleh dilakukan bagi menambah baik kajian ini ialah dengan menambahkan unsur penggunaan lagu di dalam kit tersebut. Unsur muzik seperti nyanyian boleh digunakan bagi meningkatkan keseronokan murid-murid ketika belajar sekali gus dapat meningkatkan daya ingatan mereka terhadap isi pembelajaran. Hal ini bertepatan dengan pendapat Reney Pantun (2016) yang mengatakan bahawa daya ingatan murid-murid terhadap pelajaran dapat ditingkatkan melalui penggunaan unsur muzik melalui kaedah nyanyian. Hal ini juga sangat bertepatan dengan budaya kanak-kanak yang suka akan bunyi dan muzik yang boleh menimbulkan keseronokan mereka terhadap sesuatu perkara.

Cadangan terakhir yang boleh dilakukan dalam menambah baik kajian ini ialah dengan menyebarkan kajian saya ini dengan memperkenalkan intervensi Kit Mad 2-Long kepada guru pelatih yang sedang berpraktikum dan guru pendidikan islam yang lain. Tujuan cadangan ini dikemukakan adalah untuk membantu mereka dalam meningkatkan penguasaan murid-murid yang mengalami masalah yang sama berkaitan ilmu hukum tajwid mad dua harakat ini sekali gus dapat menyebarkan amalan pengajaran yang berkesan. Saya juga bahawa melihat kajian ini boleh diperluas kepada tajuk-tajuk yang lain seperti hukum mad tamkin dan mad tabi' I pada awal surah. Hal ini kerana kedua-dua mad tersebut juga merupakan jenis-jenis hukum tajwid mad dua harakat yang terkandung di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tahun 5.

XI. RUJUKAN

- Abdull Sukor Shaari. (2022). *Kaedah penyelidikan pendidikan kuantitatif*. Uum press.
- Anuar ahmad & nelson jinggan. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sejarah. *Juku: jurnal kurikulum & pengajaran asia pasifik*.
- Bo chang. (2019). Reflection in learning. *Online learning journal –volume 23 issue 1*.

- Chia chiow ming. (2015). *Penyelidikan tindakan: panduan penulisan laporan*. Pelangi professional publishing sdn. Bhd.
- Hassan abu bakar, syarizan dalib, suhaini muda, nuredayu omar & nor hayati mohd. Jalil. (2018). *Komunikasi dalam konteks pembangunan sosiobudaya*. Uum press.
- Kamarul azmi jasmi, md salleh @ masrom, siti fauziyani & siti nuraini. (2017). *Akhlaq sebagai dasar pembangunan remaja muslim*. Utm press.
- Kamarul azmi jasmi. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus penyelidikan kualitatif siri 1 2012 at puteri resort melaka on 28-29 mac 2012*.
- Lisa yuk shukye. (2015). Analisis perkaitan kajian tindakan dengan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kajian tempatan. *Jurnal penyelidikan kent*, 15(2015).
- Mariam adawiyah dzulkifli & muhammad faiz mustafar. (2013). The influence of colour on memory performance: a review. *Malays j med sci*, 3-9.
- Menderes unal. (2017). Preferences of teaching methods and techniques in mathematics with reasons. *Universal journal of educational research*, 5(2): 194-202.
- Mohd yusoff (2016). Amalan kreativiti pengajaran guru pendidikan islam di sekolah-sekolah negeri johor. 17-20.
- Muhammad syukri zahari, amnah saayah ismail, daud salleh & muntaha salleh. (2020). Kepentingan tajwid dan kesannya terhadap bacaan al-quran. *Persidangan antarabangsa sains sosial dan kemanusiaan ke-5 (pasak5 2020) – dalam talian*. E-isbn: 978 967 2122 78 4.
- Norsyaidah seliaman & mohd uzi dollah. (2018). Pengajaran matematik sekolah rendah menggunakan pendekatan kontekstual : satu kajian kes. *Urnal pendidikan sains & matematik malaysia vol.8 no.2 dec 2018 / issn 2232-0393*.
- Norzuraina mohd nor. (2021). Komunikasi dalam pemahaman konsep seni visual semasa proses pembelajaran murid masalah pendengaran. *Jurnal pendidikan awal kanak-kanak kebangsaan, vol.10 (1)*, 66-76.
- Rafidah mohd adnan & mohd effendi ewan mohad matore. (2019). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen i-cgpkm menggunakan model rasch. *Jurnal pengukuran kualiti dan analisis*, 15(1), 1-14.
- Renev pantun. (2016). Penggunaan teknik nyanyian dalam meningkatkan kefahaman murid tahun dua dalam topik pembundaran. *Proceeding of icecrs* (pp. 677-686). International seminar on generating knowledge through research, uum-umsida, 25-27 october 2016, universiti utara malaysia, malaysia.
- Sapie sabilan mohd borhan jamaluddin & siti nga'ishah mohni. (2018). Tahap keberkesanan penggunaan kad warna jawiku dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf jawi. *International conference on da'wah 2018 (icod 2018)*.
- Zakaria stapa, noranizah yusuf & abdul fatah shaharudin. (2012). Pendidikan menurut al-quran dan sunnah serta peranannya dalam memperkasakan tamadun ummah. *Jurnal hadhari special edition*, 7-22.